

**TEKS UCAPAN ALUAN
BRIGEDIER JENERAL DATUK PROFESOR DR KAMARUDIN HUSSIN
DIBACAKAN OLEH DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
TIMB. NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UniMAP
SEMPENA "MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA INDUSTRI"**

**17 DISEMBER 2014
HOTEL PUTRA PALACE, KANGAR, PERLIS**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera
Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berhormat Tuan Haji Hamdan Bahari, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis mewakili YAB Menteri Besar Perlis

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr Mohd Ajib Anuar, President Dewan Perlombongan Malaysia dan Pengurus Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah

Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP

Para pembentang kertas kerja,

Wakil-wakil industri, Wakil-wakil IPT,

Para peserta simposium dan hadirin hadirat sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam '**Majlis Makan Malam Bersama Industri**' sempena Simposium Pembangunan Sumber Manusia untuk Industri Sumber Mineral.
2. Sebagai pembuka bicara, saya bagi pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada:-

- **Yang Berhormat Tuan Haji Hamdan Bahari**, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis mewakili YAB Menteri Besar Perlis atas kesudian beliau untuk hadir merasmikan Majlis Makan Malam Bersama Industri sempena Simposium Pembangunan Sumber Manusia untuk Industri Sumber Mineral kita pada malam ini.
- **Seterusnya ucapan terima kasih juga dititipkan buat Yang Berbahagia Dato' Sri Dr Ajib Anuar**, President Dewan Perlombongan Malaysia dan Pengurus Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah.

Untuk makluman, **Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah** adalah penaja utama Majlis Makan Malam kita pada malam ini bersama-sama dengan **Magic Mirror Sdn Bhd**.

- Yang amat dihargai, rakan-rakan penjana **Simposium Pembangunan Sumber Manusia untuk Industri Sumber Mineral 2014** khususnya **Malaysia Smelting Corporation Group (MSC Group) & Rahman Hydraulics Sdn Bhd** yang telah menjadi '**Platinum Business Partner**' pada simposium ketiga ini. Turut menaja simposium ini ialah **Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Selinsing Gold Mines Manager Sdn Bhd, Benua Mining Sdn Bhd** dan **CMNM Mining Group**.
 - Yang dihormati dan diraikan wakil-wakil daripada industri, agensi-agensi dan jabatan kerajaan, wakil-wakil IPT
- Hadirin sekalian,

3. Bagi pihak UniMAP, saya berasa amat bertuah kerana telah diberi kepercayaan oleh pihak Dewan Perlombongan Malaysia untuk menganjurkan **Simposium Ketiga Pembangunan Sumber Manusia untuk Industri Sumber Mineral** pada tahun ini.

4. Majlis makan malam pada malam ini pula diadakan bagi meraikan tetamu terutamanya wakil-wakil industri dan agensi/jabatan kerajaan yang telah sampai ke sini. Saya difahamkan masih terdapat ramai lagi jemputan pada malam ini tidak sempat menghadirkan diri berikutan mereka ini masih dalam perjalanan untuk hadir ke simposium yang dijadualkan pada pagi esok.

UniMAP – Industri ~ di awal penubuhan UniMAP

5. UniMAP adalah antara institusi pendidikan tinggi yang membekalkan modal insan mahir dalam bidang kejuruteraan untuk memenuhi keperluan industri di utara tanah air.
6. UniMAP telah bekerjasama erat dengan pihak industri sejak mula penubuhannya bagi memastikan graduan yang dihasilkan oleh UniMAP adalah sejajar dengan keperluan semasa.
7. Oleh sebab itu, ramai wakil industri terutamanya dari industri elektronik yang dilantik menganggotai ***Panel Penasihat Industri (IAP)*** yang berperanan untuk memastikan program-program kejuruteraan dirangka dan rekabentuk agar bertepatan dengan keperluan industri elektronik dan pembuatan.
8. Fokus kita pada awalnya adalah kepada industri elektronik dan pembuatan memandangkan kedua-duanya adalah industri utama di utara. Oleh sebab itu bidang elektronik telah menjadi '*niche area*' bagi KUKUM pada masa itu. Tetapi, kita telah melihat akan keperluan mewujudkan program-program kejuruteraan lain yang tidak tertumpu hanya kepada elektronik semata-mata.
9. Sebab itulah kita juga mempunyai program-program kejuruteraan yang lain seperti kejuruteraan metalurgi, mekanikal, alam sekitar, bioproses, awam dan lain-lain lagi.

Ini kerana kami percaya bahawa sesbuah industri hanya akan wujud apabila rantaian penyumberannya saling lengkap melengkapi antara satu dengan lain.

10. Selepas itu, bermula tahun 2007, melalui penjenamaan semula, UniMAP (pada masa itu adalah KUKUM) telah menjadi sebuah universiti penuh dan kohort kedua kumpulan graduan yang menerima ijazah semasa konvokesyen ketiga terdiri daripada graduan-graduan pelbagai bidang termasuklah graduan dalam bidang kejuruteraan Metalurgi.
11. Kami berasa amat berbangga kerana Kejuruteraan Metalurgi adalah satu-satunya program kejuruteraan seumpamanya di Malaysia ini. Syukur Alhamdulillah kerana program ini telah berjaya melahiran ramai graduan Kejuruteraan Metalurgi yang turut memberi sumbangan kepada rantaian industri sumber mineral di Malaysia.
12. Ramai juga graduan kami yang sekarang ini sedang berkhidmat di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan negara-negara sekitar dalam sektor industri ‘Oil and Gas’.

Hadirin sekalian,

KERJASAMA UniMAP DAN INDUSTRI DI MASA HADAPAN

13. Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya amat mengalu-alukan sebarang bentuk bantuan dan kerjasama untuk meningkatkan kualiti akademik dan menjadikan program-program kejuruteraan di UniMAP yang lebih mesra industri. Kerjasama ini mungkin boleh diperluaskan dalam bentuk kerjasama penyelidikan dan perkongsian kepakaran staf-staf akademik dalam bidang-bidang tertentu yang berkait rapat dengan industri Mineral.

14. Kami di UniMAP percaya bahawa pihak industri adalah ‘stakeholder’ utama kepada kami. Justeru, penglibatan pihak tuan/puan amatlah penting dan diharapkan.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas sokongan pihak Kerajaan Negeri, Dewan Perlombongan Malaysia, para Panel Jemputan daripada industri dan Kementerian Pengajian Tinggi, para peserta simposium daripada industri, agensi dan jabatan kerajaan serta wakil-wakil staf akademik dan pelajar daripada pelbagai instititusi pengajian tinggi.

16. Terima kasih tidak terhingga kepada **Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah** dan **Magic Mirror Sdn Bhd** yang menjadi penaja Majlis Makan Malam kita pada malam ini. Terima kasih kepada sekretariat simposium yang telah bertungkus lumus menjayakan simposium ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.